

## DW 2.2: Pengukuhan Pelancongan Warisan dan Budaya Masyarakat Desa

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- Memperkukuhkan warisan dan budaya masyarakat desa dengan mempromosikan sukan tradisional, permainan tradisional, seni dan warisan masyarakat desa.
- Menghidupkan semula suasana masyarakat desa yang muafakat melalui penganjuran program-program kemasyarakatan.
- Memastikan warisan kesenian dan budaya akan terus diwarisi oleh generasi akan datang.
- Mengenal pasti warisan dan budaya penduduk desa di Johor Tengah yang berpotensi untuk dipromosikan secara meluas.

#### Komponen Cadangan:

- Mempromosikan produk-produk desa seperti gasing, kompang, tarian zapin dan wayang kulit.
- Menganjurkan program kebudayaan, kesenian, *festival teater* dan ekspresi muzik bagi memartabatkan warisan sejarah.
- Mewujudkan kalendar pelancongan negeri Johor.
- Meletakkan program kebudayaan, kesenian, *festival teater* dan ekspresi muzik di dalam kalendar pelancongan negeri Johor.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta.
- Pelaksanaan program atau pertandingan yang boleh mengasah bakat penduduk desa untuk mengetengahkan warisan dan budaya.

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **40 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar
Batu Pahat	-	6
Kluang	-	31
Mersing	-	3
<b>Jumlah</b>	-	<b>40</b>

### AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• YWJ</li> <li>• JKKN Johor</li> <li>• MOTAC Johor</li> <li>• Tourism Johor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PBT</li> </ul>

### ANGGARAN KOS

- Kos Promosi = RM 25,000 ribu per kampung sepanjang Fasa 1 (3 tahun) dengan jumlah kos RM 3,000,000.

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 3,000,000**

### FASA PELAKSANAAN



**a) Daerah Batu Pahat**

Enam (6) kawasan pelancongan seni warisan di daerah Batu Pahat telah dikenal pasti berpotensi tinggi untuk dipergiatkan aktiviti promosi bagi menarik kedatangan pelancong. Perincian senarai kawasan terlibat adalah seperti berikut.

Jadual 4.8: Seni Warisan di Daerah Batu Pahat

Mukim	Bil.	Lokasi	Seni Warisan
Peserai	1	Kg. Peserai	Keris
Ayer Hitam	2	Pekan Air Hitam	Seramik dan Tembikar
Sri Gading	3	Kg. Parit Nipah	Wayang Purwa & Gamelan
Sri Gading	4	Kg. Parit Raja	Wayang Purwa & Gamelan, dan Pembuatan Kompang
Kampung Bahru	5	Kg. Parit Hylam	Pembuatan Gambus
Minyak Beku	6	Kampung Rahmat	Hamdolak

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020



Foto: Wayang Kulit Purwa & Gamelan, Kg. Parit Nipah



Foto: Pembuatan Tembikar, Pekan Air Hitam



Foto: Pembuatan Gambus, Kg. Parit Hylam



Foto: Seramik, Pekan Air Hitam




Foto: Pembuatan Keris, Kg. Peserai

**FAKTA RINGKAS**



**BATU PAHAT**

**Pembuatan Kompang dan Jidor di Kampung Parit Raja**

Perusahaan ini terletak di Parit Sumarto, Kg. Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perusahaan ini juga membekalkan produk muzik tradisional iaitu kompang dan jidor.

**Jenis Kayu**

Menggunakan kayu Halban yang merupakan sejenis kayu hutan yang paling baik.

**Jenis Kulit**

Penggunaan kulit kambing kampung yang diimport dari Indonesia kerana kualiti yang bersih dan menghasilkan bunyi yang baik.

**Kualiti Kompang**

Mempunyai 3 gred utama iaitu Gred A+, Gred A dan Gred B.

Pemeriksaan gred kompang diukur menggunakan alat untuk menentukan gelombang bunyi.

- Gred A+ = 290 hz ke atas
- Gred A = 230 hz – 280 hz
- Gred B = 220 hz ke bawah




Foto: Proses membuat kompang



Foto: Proses memilih jenis kayu dan kulit kambing



Foto: Proses pembuatan jidor menggunakan kulit kambing



Foto: Proses membuat kompang

## b) Daerah Kluang

31 kawasan pelancongan seni warisan di daerah Kluang telah dikenal pasti berpotensi tinggi untuk dipergiatkan aktiviti promosi bagi menarik kedatangan pelancong. Perincian senarai kawasan terlibat adalah seperti berikut.

Jadual 4.9: Seni Warisan di Daerah Kluang

Mukim	Bil.	Nama Kampung	Seni Warisan
Kluang	1	Kg. Bentong	Kompang
	2	Kg. Sri Lalang	Kompang dan Silat
	3	Kg. Tengah	Kompang dan Silat
	4	Kg. Sembrong	Kompang
	5	Kg. Palembang Baru	Kompang
	6	Kg. Padang Tembak	Kompang
Renggam	7	Kg. Chokro	Kompang dan Silat
	8	Kg. Hj Noor	Kompang
	9	Kg. Sahari	Kompang dan Silat
	10	Kg. Tengah Renggam	Kompang dan Silat
	11	Kg. Melayu Renggam	Kompang dan Silat
	12	Kg. Sri Ampangan	Kompang dan Silat
Layang-Layang	13	Kg. Paya Layang-Layang	Kompang dan Silat Pembuatan Keris dan Parang
	14	Kg. Jaya Sepakat	
	15	Kg. Melayu Bukit Nyamuk	Kompang
Ulu Benut	16	Kg. Parit Hj Hashim	Kompang
	17	Kg. Dato' Ibrahim Majid	Kompang, Silat dan Zapin
	18	Kg Bukit Kenangan	Kompang
	19	Kg. Paya Palembang	Kompang, Silat, Barongan Tiang Licin, Tanjak dan Yasinan Wanita
	20	Kg. Parit Hassan	Kompang dan Silat
Machap	21	Kg. Isnin Maarof	Kompang dan Silat
	22	Kg. Parit Ghani	Kompang, Silat dan Zapin
	23	Kg. Setia Jaya	Kompang, Tarian dan Gasing
	24	Kg. Perak	Kompang
	25	Kg. Sungai Linau	Kompang dan Silat
	26	Kg. Sri Maju Jaya	Kompang dan Tarian

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

Jadual 4.9: Seni Warisan di Daerah Kluang (sambungan)

Mukim	Bil.	Nama Kampung	Seni Warisan
Kahang	27	Kg. Sri Lukut	Kompang
	28	Kg. Contoh	Kompang
Niyor	29	Kg. Melayu Niyor	Tarian Zapin
	30	Kg. Melayu Chamek	Kompang Wak Sutijo
	31	Kg. Melayu GSA Chamek	Pembuat Parang

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

### FAKTA RINGKAS

#### Barongan Tiang Licin

Tiang licin merupakan tiang (batang pokok pinang) yang disapu minyak gris untuk menjadikan ia licin serta susah dipanjat manakala di puncaknya diletakkan beberapa hadiah berupa barangan dan juga wang ringgit. Memanjatnya pula bukanlah dengan seorang diri tetapi berkumpulan iaitu seramai 3 atau 4 orang ahli. Setiap kumpulan bertiga diberi masa selama 1 minit untuk memanjat dan mengambil sebarang banyak barangan yang terdapat di puncaknya.



Foto: Barongan Tiang Licin



#### Tarian Seni Zapin

Tarian Zapin mempunyai keunikan tersendiri daripada segi gerak tari, muzik, seni kata dan pakaian.

- i. Batu Pahat - Zapin Lapis Batu Putih
- ii. Kluang - Zapin Selat Panjang
- iii. Mersing - Zapin Tenglu dan Zapin Pulau

**c) Daerah Mersing**

Tiga (3) kawasan pelancongan seni warisan di daerah Mersing telah dikenal pasti berpotensi tinggi untuk dipergiatkan aktiviti promosi bagi menarik kedatangan pelancong. Perincian senarai kawasan terlibat adalah seperti berikut.

Jadual 4.10: Seni Warisan di Daerah Mersing

Mukim	Bil.	Nama Kampung	Seni Warisan
Mersing	1	Kampung Bahagia	Tarian Zapin dan Ghazal Pulau
	2	Kampung Mersing Kanan	Seni Buah Pukul Mersing
	3	Kampung Pengkalan Batu	Pembuatan Keris

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020



Foto: Seni pembuatan keris di Daerah Mersing

Foto: Contoh penghasilan keris, Kampung Pengkalan Batu